# PRIVACY POLICY AND CANDIDATE DECLARATION / POLISI PRIVASI & PENGAKUAN CALON-CALON

# MALAYSIA

**Our Commitment/*Komitmen Kami***

Agensi Pekerjaan Allegis Group Malaysia Sdn Bhd and our related entities ("**Allegis**", "**we**" or "**us**") are committed to providing you with the highest levels of professional service. This includes protecting your privacy in accordance with the Personal Data Protection Act2010 ("**Act**"), as we understand the importance of privacy of your personal information. *Agensi Pekerjaan Allegis Group Malaysia Sdn Bhd dan entiti-entiti kami yang berkaitan ("**Allegis**", "**kami**" atau "**kita**") adalah komited untuk menyediakan perkhidmatan profesional pada tahap yang tertinggi. Ini termasuk melindungi privasi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ( "**Akta**"), kerana kami memahami kepentingan privasi maklumat peribadi anda.*

This Privacy Policy sets out how we collect, hold, use and disclose your personal information. By visiting our website, requesting our services, applying for a job with us or otherwise providing us with your personal information, you consent to your personal information being collected, held, used and disclosed as set out in this Privacy Policy. *Polisi Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, memegang, menggunakan dan menzahirkan maklumat peribadi anda. Dengan melawat laman web kami, meminta perkhidmatan kami, memohon pekerjaan dengan kami atau sebaliknya memberi kami maklumat peribadi anda, anda bersetuju untuk maklumat peribadi anda dikumpul, dipegang, digunakan dan dizahirkan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini.*

This Privacy Policy applies to all individuals (including our clients, the individuals whose personal information is collected from clients or other third parties, job applicants and prospective employees) who provide us with their personal information. *Polisi Privasi ini terpakai kepada semua individu (termasuk pelanggan-pelanggan kami, individu-individu yang maklumat peribadinya dikumpul daripada pelanggan atau pihak ketiga yang lain, pemohon pekerjaan dan bakal pekerja) yang memberikan kami maklumat peribadi mereka.*

**What personal information do we collect? /*Apakah maklumat peribadi yang kami kumpul?***

We collect personal information (including sensitive information, for example your health information) that is necessary for us to provide you with the services you request, manage your requests and improve our business. Such personal information usually includes your name, date of birth, address, email and telephone numbers. In addition, we may collect the following the following personal information: *Kami mengumpul maklumat peribadi (termasuk maklumat sensitif, contohnya maklumat kesihatan anda) yang perlu bagi kami untuk memberi anda perkhidmatan yang anda minta, menguruskan permintaan anda dan meningkatkan perniagaan kami. Maklumat peribadi tersebut, biasanya termasuk nama anda, tarikh lahir, alamat, e-mel dan nombor telefon. Sebagai tambahan, kami mungkin akan mengumpul maklumat peribadi berikut:*

- **For recruitment purposes:** your previous work history, performance appraisals, qualifications, information about incidents in the workplace, health information, personal history, opinions from referees, information in relation to absences from work due to leave, illness or other causes and our assessment of you as a prospective candidate for recruitment including any psychometric or skills testing. ***Untuk tujuan rekrutmen:** sejarah pekerjaan anda sebelum ini, penilaian prestasi, kelayakan, maklumat mengenai insiden di tempat kerja, maklumat kesihatan, sejarah peribadi, pendapat orang yang dirujuk, maklumat berhubung dengan ketidakhadiran kerja disebabkan cuti, sakit atau sebab-sebab lain dan penilaian kami terhadap anda sebagai bakal calon untuk rekrutmen termasuk apa-apa ujian psikometrik atau kemahiran.*
- **For payroll purposes:** your employment details, bank account details and other ancillary information that is required to fulfil contractual, legislative, filing and reporting obligations (including the payment of salary and wages). ***Untuk tujuan pembayaran gaji:** butiran pekerjaan anda, butiran akaun bank dan maklumat sampingan lain yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontrak, perundangan, pemfailan dan pelaporan (termasuk pembayaran gaji dan upah).*

**How do we collect personal information?**

***/Bagaimana kami mengumpul maklumat peribadi?***

Where possible, we collect your personal information directly from you, for example in person, over the telephone, by email, when you set up an account with us or complete one of our online or hard copy forms or attend a group session at one of our assessment centres. We may record or listen to telephone calls between you and our consultants in order to improve our services. When this occurs, you have the chance either to end the call, or to ask to be transferred to another line where monitoring or recording does not take place (if this is available).
*Setakat mana yang mungkin, kami mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda, contohnya secara peribadi, melalui telefon, melalui e-mel, apabila anda membuka akaun dengan kami atau melengkapkan salah satu borang kami dalam talian atau dalam bentuk salinan keras atau menghadiri suatu sesi kumpulan di salah satu daripada pusat penilaian kami. Kami boleh merakam atau mendengar panggilan telefon antara anda dan perunding kami untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan kami. Apabila ini berlaku, anda mempunyai peluang sama ada untuk menamatkan panggilan, atau meminta untuk dipindahkan ke satu lagi talian di mana pemantauan atau rakaman tidak dilakukan (jika ada).*

In most situations we will also obtain your personal information from third parties such as our clients, your referees, educational institutions and current and former employers.
*Dalam kebanyakan keadaan kami juga akan mendapatkan maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga seperti pelanggan kami, orang-orang yang anda rujuk, institusi pendidikan dan majikan terdahulu dan terkini anda.*

We may also automatically collect certain information when you visit our website, some of which may personally identify you. Such information includes the type of browser you are using, the type of operating system you are using, your IP address and how you use our website.
*Kami juga mungkin akan secara automatik mengumpul maklumat tertentu apabila anda melawat laman web kami, di mana sesetengah maklumat tersebut boleh mengenal pasti anda secara peribadi. Maklumat tersebut termasuk jenis pelayar yang anda gunakan, jenis sistem operasi yang anda gunakan, alamat IP anda dan bagaimana anda menggunakan laman web kami.*

If you would like to access any of our services on an anonymous basis, please let us know in writing. If this is possible and lawful, we will take reasonable steps to comply with your request. However, if you choose not to provide us with your personal information we may not be able to provide you with the services or assistance you require, including arranging suitable interviews for you.
*Jika anda ingin mengakses mana-mana perkhidmatan kami secara tanpa nama, sila maklumkan kepada kami secara bertulis. Jika ini boleh dilakukan dan sah, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak memberikan maklumat peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda dengan perkhidmatan atau bantuan yang anda perlukan, termasuk mengaturkan temuduga yang sesuai untuk anda.*

If you provide us with personal information about another individual, before doing so you:
*Jika anda memberikan kami maklumat peribadi mengenai individu lain, sebelum berbuat demikian anda:*

- must tell that individual that you will be providing their personal information to us and that we will handle their personal information in accordance with this Privacy Policy;
*mesti memberitahu individu tersebut yang anda akan memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami dan bahawa kami akan mengendalikan maklumat peribadi mereka selaras dengan Polisi Privasi ini;*
- must provide that individual with a copy of (or refer them to) this Privacy Policy; and
*mesti memberikan individu tersebut dengan satu salinan (atau merujuk mereka kepada) Polisi Privasi ini; dan*
- warrant that you have that individual's consent to provide their personal information to us.
*menjamin bahawa anda mempunyai kebenaran individu tersebut untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami.*

**Why do we collect personal information and how do we use it?/**

***Mengapa kami mengumpul maklumat peribadi dan bagaimana kami menggunakannya?***

We collect your personal information and use it for the purpose for which it was provided to us, other necessary or directly related purposes or as permitted or required by the Act. Such purposes include:
*Kami mengumpul maklumat peribadi anda dan menggunakannya untuk tujuan yang mana ia telah diberikan kepada kami, tujuan lain yang perlu atau berkaitan secara lansung atau sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta. Tujuan-tujuan tersebut adalah:*

- providing our clients and/or you with our services; menyediakan pelanggan-pelanggan kami dan/atau anda dengan perkhidmatan kami;
- facilitating placement operations and recruitment opportunities for job applicants, including assessing your application for employment with prospective employers and verifying your information; memudahkan operasi penempatan dan peluang rekrutmen untuk pemohon pekerjaan, termasuk penilaian permohonan pekerjaan anda dengan bakal majikan dan mengesahkan maklumat anda;
- providing you with further information about the recruitment opportunities or services you requested;
  menyediakan anda dengan maklumat lanjut tentang peluang rekrutmen atau perkhidmatan yang anda minta;
- conducting surveys of job applicants in relation to the services we provide; menjalankan kaji selidik mengenai pemohon-pemohon pekerjaan berhubung dengan perkhidmatan yang kami sediakan;
- providing you with information about Allegis and its activities that are of relevance to you (if you have consented to receiving this); and menyediakan anda dengan maklumat mengenai Allegis dan aktiviti-aktivinya yang relevan kepada anda (sekiranya anda telah bersetuju untuk menerimanya); dan
- any other purpose identified at the time of collecting your personal information. apa-apa tujuan lain yang dikenal pasti ketika pengumpulan maklumat peribadi anda.

**When do we disclose your personal information?**

***Bilakah kami menzahirkan maklumat peribadi anda?***

Any personal information you provide to us may be disclosed, if appropriate, to third parties for the purpose of facilitating placement operations, verifying your details, providing payroll services, marketing our services and managing our business. Such third parties may include:
*Sebarang maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami mungkin dizahirkan, jika sesuai, kepada pihak ketiga bagi tujuan memudahkan operasi penempatan, mengesahkan butiran anda, menyediakan perkhidmatan gaji, pemasaran perkhidmatan kami dan pengurusan perniagaan kami. Pihak ketiga tersebut termasuk:*

- any of our related entities, affiliates and agents; mana-mana entiti kami yang berkaitan, sekutu dan ejen;
- our clients, including your prospective employers and external organisations seeking labour; pelanggan kami, termasuk bakal majikan anda dan organisasi luar yang mencari buruh;
- educational institutions and background screening providers to verify your qualifications; Institusi pendidikan dan pembekal pemeriksaan latar belakang untuk mengesahkan kelayakan anda ;
- your referees and current and former employers; Orang yang anda rujukkan dan majikan terdahulu dan terkini anda;
- our third party service providers, contractors and suppliers (such as our IT service providers for hosting databases);
  pembekal perkhidmatan, kontraktor dan pembekal pihak ketiga kami (seperti pembekal perkhidmatan IT yang menyediakan pangkalan data kami);
- our professional advisors including our accountants, auditors and lawyers; and penasihat profesional kami termasuk akauntan, juruaudit dan peguam kami; dan
- any other third parties notified to you at the time of collecting your personal information. mana-mana pihak ketiga lain yang dimaklumkan kepada anda pada masa pengumpulan maklumat peribadi anda.

It is also possible, though unlikely, that we might be forced to disclose personal information in response to legal process or when we believe in good faith that the law requires it, for example, in response to a court order, subpoena or a law enforcement agency's request. *Ia juga mungkin, walaupun kurang kebarangkaliannya , bahawa kami terpaksa menzahirkan maklumat peribadi sebagai balasan kepada proses undang-undang atau apabila kami percaya dengan ikhlas hati bahawa undang-undang memerlukannya, contohnya, sebagai tindak balas kepada perintah mahkamah, sepina atau permintaan agensi penguatkuasaan undang-undang.*

We will only disclose your sensitive information (for example, health information) for the purposes for which it was initially collected, other directly related purposes or purposes to which you expressly consent, or for such other purposes as may be permitted or required by the Act.
*Kami hanya akan mendedahkan maklumat sensitif anda (contohnya, maklumat kesihatan) untuk tujuan yang mana ia pada mulanya dikumpulkan, tujuan lain yang berkaitan secara langsung atau tujuan-tujuan yang anda mempersetujui secara nyata, atau untuk tujuan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta.*

**Do we send information overseas?**

***Adakah kami menghantar maklumat ke luar negara?***

We may store your information in our data storage facilities overseas which may be located in Australia, the United States of America, Philippines, Malaysia and New Zealand. Your information may be accessed by members of the Allegis Group in APAC, including in China, Malaysia, Singapore, Hong Kong, Japan, Australia, New Zealand and the Philippines. We will take reasonable steps to ensure that the overseas recipient complies with the requirements of the Act and this Privacy Policy (for example by putting in place appropriate contractual arrangements with the recipient to safeguard your privacy).
*Kami mungkin akan menyimpan maklumat anda di pangkalan penyimpanan data kami di luar negara yang mungkin berada di Australia, Amerika Syarikat, Filipina, Malaysia dan New Zealand. Maklumat anda boleh diakses oleh ahli-ahli Kumpulan Allegis di APAC, termasuk di China, Malaysia, Singapura, Hong Kong, Jepun, Australia, New Zealand dan Filipina. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa penerima di luar negara tersebut mematuhi dengan keperluan Akta dan Polisi Privasi ini (sebagai contoh dengan melaksanakan perjanjian kontrak yang sesuai dengan penerima untuk melindungi privasi anda).*

**Accuracy, access to and correction of your personal information**

***Ketepatan, akses kepada dan pembetulan maklumat peribadi***

We will take reasonable steps to ensure that the personal information that we hold is accurate, complete and up to date. Please contact us using the contact details below if your details have or are about to change, or if you wish to otherwise update or correct your personal information.
*Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi yang dipegang oleh kami adalah tepat, lengkap dan terkini. Sila hubungi kami dengan menggunakan maklumat perhubungan di bawah jika maklumat anda telah atau akan bertukar, atau jika anda ingin mengemas kini atau membetulkan maklumat peribadi anda.*

We will, on request, provide you with access to the personal information we hold about you unless otherwise required or permitted by law. If we deny access to information we will set out our reasons for doing so.
*Kami akan, atas permintaan, memberikan anda akses kepada maklumat peribadi yang kami pegang tentang anda kecuali jika sebaliknya dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang. Jika kami menafikan akses kepada maklumat, kami akan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian.*

If you would like to access your personal information, please make your request in writing addressed to our Privacy Officer using the contact details below and provide proof of your identity.
*Jika anda ingin mengakses maklumat peribadi anda, sila buat permintaan anda secara bertulis kepada Pegawai Privasi kami menggunakan maklumat perhubungan di bawah dan berikan bukti identiti anda.*

**Security of your information**

***Keselamatan maklumat anda***

We will take all reasonable steps to secure your personal information that we collect and hold. Electronic information is protected by various security measures and access to information and databases are restricted to authorised personnel that need access to the information in order to perform their duties.
*Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi anda yang kami kumpul dan pegang. Maklumat elektronik dilindungi oleh pelbagai langkah keselamatan dan akses kepada maklumat dan pangkalan data adalah terhad kepada kakitangan yang diberi kuasa yang memerlukan akses kepada maklumat tersebut untuk melaksanakan tugas mereka.*

All electronically captured job applicant and client data is passed through a secure site using encryption technology to ensure your personal information is protected if it is sent over the internet.
It is your responsibility to ensure you protect your personal information (for example, by protecting any usernames and passwords) and you should notify us as soon as possible if you become aware of a security breach.
*Semua data elektronik pemohon pekerjaan dan pelanggan disalurkan melalui laman web yang selamat menggunakan teknologi enkripsi untuk memastikan maklumat peribadi anda dilindungi sekiranya dihantar melalui internet. Ia adalah tanggungjawab anda untuk memastikan anda melindungi maklumat peribadi anda (contohnya, dengan melindungi mana-mana nama pengguna dan kata laluan) dan anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin jika anda menyedari terdapatnya suatu pelanggaran keselamatan.*

**Complaints/*Aduan***

If you wish to make a complaint about a breach of this Privacy Policy or the privacy principles under the Act, you can contact us using the contact details below. You will need to provide us with sufficient details regarding your complaint as well as any supporting evidence and/or information.
*Jika anda ingin membuat aduan tentang pelanggaran Polisi Privasi ini atau prinsip privasi di bawah Akta, anda boleh menghubungi kami dengan menggunakan maklumat perhubungan di bawah. Anda perlu menyediakan kami dengan maklumat yang mencukupi mengenai aduan anda serta apa-apa bukti dan/atau maklumat sokongan.*

We will refer your complaint to our Privacy Officer who will investigate the issue within a reasonable time frame, which is usually 30 days but may be longer if the matter is complex. Our Privacy Officer will determine the steps (if any) that we will undertake to resolve your complaint. Such steps may include discussing the options for resolving the complaint with you, notifying relevant employees the subject of a complaint and seeking their input or escalation.
*Kami akan merujuk aduan anda kepada Pegawai Privasi kami yang akan menyiasat isu tersebut dalam jangka masa yang munasabah, biasanya 30 hari tetapi mungkin lebih lama jika perkara tersebut adalah rumit. Pegawai Privasi kami akan menentukan langkah-langkah (jika ada) yang kami akan ambil untuk menyelesaikan masalah anda. Langkah-langkah tersebut termasuk membincangkan pilihan cara untuk menyelesaikan aduan tersebut dengan anda, memberitahu kakitangan berkaitan tentang subjek aduan dan mencari input atau tindakan mereka.*

We will contact you if we require any additional information from you and will notify you in writing of the outcome of our investigation. If you are not satisfied with our determination, you can contact us to discuss your concerns or raise the matter with the Department of Personal Data Protection.
*Kami akan menghubungi anda jika kami memerlukan apa-apa maklumat tambahan daripada anda dan akan memberitahu anda secara bertulis hasil siasatan kami. Jika anda tidak berpuas hati dengan penentuan kami, anda boleh menghubungi kami untuk membincangkan kebimbangan atau membangkitkan perkara tersebut dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi.*

## Revisions to this Privacy Policy

## *Pindaan kepada Polisi Privasi ini*

We reserve the right to revise this Privacy Policy or any part of it from time to time. Please review this Privacy Policy periodically for changes. If we make material changes to this Privacy Policy, we will notify you by putting a notice on the "Home" page of our website **www.allegisgroup.com**.
*Kami berhak untuk menyemak semula Polisi Privasi ini atau mana-mana bahagiannya dari semasa ke semasa. Sila semak Polisi Privasi ini dari masa ke semasa untuk mengetahui sebarang perubahan. Jika kami membuat perubahan penting kepada Polisi Privasi ini, kami akan memberitahu anda dengan meletakkan suatu notis di halaman utama laman web kami **www.allegisgroup.com**.*

Your continued use of our website, products, services or provision of further personal information to us once you have been notified of the revised Privacy Policy constitutes your deemed acceptance of the revised Privacy Policy.
*Penggunaan laman web, produk, perkhidmatan kami yang berterusan atau pemberian lanjut maklumat peribadi kepada kami setelah anda telah diberitahu mengenai pindaan Polisi Privasi tersebut akan dianggap bahawa penerimaan pindaan Polisi Privasi tersebut oleh anda.*

## Conflicts

## *Percanggahan*

The English language version of this Privacy Policy shall be deemed to be the correct version in the event of any inconsistency between the Malay and English language versions of this Privacy Policy.
*Versi Bahasa Inggeris Polisi Privasi akan dianggap sebagai versi betul jika terdapat ketidakselarasan diantara versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris Polisi Privasi ini.*

## How to contact us

## *Bagaimana untuk menghubungi kami*

If you would like more information about our privacy practices or have any questions in relation to this Privacy Policy, please contact our Privacy Officer using the contact details shown below:
*Jika anda ingin maklumat lebih lanjut mengenai amalan privasi kami atau mempunyai sebarang soalan berhubung dengan Polisi Privasi ini, sila hubungi Pegawai Privasi kami menggunakan maklumat perhubungan di bawah:*

**Corp.hrsupport@allegisgroup.com**

# PRIVACY DECLARATION & CONSENT FOR CANDIDATES PENGAKUAN PRIVASI & PERSETUJUAN UNTUK CALON-CALON

I understand that the information I have provided, or will provide, has been or will be collected by Agensi Pekerjaan Allegis Group Malaysia Sdn Bhd ("**Allegis**") for the purposes of assessing and facilitating my application for employment with prospective employers. I acknowledge that failure to provide any lawfully requested information may result in my application being unsuccessful.

*Saya faham bahawa maklumat yang telah saya berikan, atau akan beri, telah atau akan dikumpul oleh Agensi Pekerjaan Allegis Malaysia Sdn Bhd ("**Allegis**") untuk tujuan penilaian dan memudahkan permohonan pekerjaan saya dengan bakal majikan. Saya mengakui bahawa kegagalan untuk memberikan apa-apa maklumat yang diminta menurut undang-undang boleh menyebabkan permohonan saya tidak berjaya.*

I declare that the information supplied by me concerning my application(s) for employment is a true and accurate account of my work history and that I have not left out any relevant information with regards to my work history or assessment of my work performance.

*Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan oleh saya mengenai permohonan pekerjaan saya adalah rekod yang benar dan tepat tentang sejarah pekerjaan saya dan saya tidak meninggalkan apa-apa maklumat yang relevan berkaitan sejarah pekerjaan saya atau penilaian prestasi kerja saya.*

I authorise Allegis to communicate either orally or in writing with my previous employers, nominated referees and nominated educational institutions, to verify my personal history and character, employment work history, work performance, work incidents and/or stated qualifications, as Allegis deems necessary for the purposes of collecting personal information about me and subsequently assessing and facilitating my application for employment with prospective employers.

*Saya memberi kuasa kepada Allegis untuk berkomunikasi sama ada secara lisan atau bertulis dengan majikan saya sebelum ini, orang-orang dirujuk yang dinamakan dan institusi pendidikan yang dinamakan, untuk mengesahkan sejarah peribadi dan karakter saya, sejarah pekerjaan, prestasi kerja, insiden-insiden kerja dan/atau kelayakan yang dinyatakan, yang dianggap perlu oleh Allegis untuk tujuan mengumpul maklumat peribadi mengenai saya dan kemudiannya membuat penilaian dan memudahkan permohonan saya untuk bekerja dengan bakal majikan.*

**Privacy Policy/*Polisi Privasi***

I acknowledge that I have read and understood the Privacy Policy of Allegis provided to me/accessible via this link http://www.talent2.com/en_ap/privacy-policy-malaysia, which explains how Allegis complies with its obligations under the Personal Data. Protection Act 2010 ("PDPA").

*Saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami Polisi Privasi Allegis yang telah diberikan kepada saya/diakses melalui pautan ini http://www.talent2.com/en_ap/privacy-policy-malaysia, yang menerangkan bagaimana Allegis mematuhi kewajipannya di bawah*

*Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA").*

**Collection of Information from Referees and Disclosure to Prospective Employers/ *Pengumpulan Maklumat daripada Orang-orang yang Dirujuk dan Pendedahan kepada Bakal Majikan***

I understand that Allegis will contact the referees and individuals nominated by me, including the referees nominated in my Application Form, in order to verify the information provided by me and to collect additional personal information about me. I understand that the information, including personal and sensitive information, collected by Allegis may be provided to prospective employers, for the purpose of assessing my application for employment.

*Saya faham bahawa Allegis akan menghubungi orang-orang dirujuk dan individu-individu yang dinamakan oleh saya, termasuk orang-orang dirujuk yang dinamakan di dalam Borang Permohonan saya, untuk mengesahkan maklumat yang diberikan oleh saya dan untuk mengumpul maklumat peribadi tambahan mengenai saya. Saya faham bahawa maklumat tersebut, termasuk maklumat peribadi dan sensitif, yang dikumpul oleh Allegis mungkin akan diberikan kepada bakal majikan, untuk tujuan penilaian permohonan pekerjaan saya.*

**Access to and Correction of my Personal Information/ *Akses kepada dan Pembetulan Maklumat Peribadi saya***
I understand that, subject to any agreed or lawful exceptions, I have a right to access and copy my personal information held by Allegis by contacting Allegis, and that I have a right to correct any incorrect information held by Allegis about me.

*Saya faham bahawa, tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang dipersetujui atau yang sah di sisi undang-undang, saya mempunyai hak untuk mengakses dan menyalin maklumat peribadi saya yang dipegang oleh Allegis dengan menghubungi Allegis, dan bahawa saya mempunyai hak untuk membetulkan apa-apa maklumat yang tidak betul yang dipegang oleh Allegis mengenai saya.*

## CONSENT / *PERSETUJUAN*

(tick if agreed) *

☐ I have read and understood this Declaration and the Privacy Policy of Allegis, and I consent to Allegis collecting my personal and sensitive information in accordance with the terms and conditions of this Declaration and the Allegis Privacy Policy.
*Saya telah membaca dan memahami Pengakuan ini dan Polisi Privasi Allegis, dan saya bersetuju untuk Allegis mengumpul maklumat peribadi dan sensitif saya selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat Pengakuan ini dan Polisi Privasi Allegis.*

☐ I hereby authorise Allegis to disclose that personal information to prospective employers ***that are agreed to by me*** for the purpose of assessing my application for employment.
*Saya dengan ini memberi kuasa kepada Allegis untuk mendedahkan maklumat peribadi tersebut kepada bakal majikan **yang telah dipersetujui oleh saya** bagi tujuan penilaian permohonan saya untuk pekerjaan.*

☐ In the event that my application is unsuccessful for my nominated position or positions, I acknowledge and consent to my personal information being retained in my confidential personnel file maintained by Allegis and used to consider my suitability for other positions with prospective employers.
*Sekiranya permohonan saya tidak berjaya untuk jawatan-jawatan yang saya calonkan, saya mengakui dan bersetuju untuk maklumat peribadi saya disimpan dalam fail kakitangan sulit saya yang diselenggara oleh Allegis dan digunakan untuk mempertimbangkan kesesuaian saya untuk jawatan lain dengan bakal majikan.*

☐ I have provided details of my personal email address to Allegis. I consent to Allegis contacting me on my email address to provide me with ongoing information regarding career opportunities as they arise, and other information about Allegis and its activities.
*Saya telah memberikan butir-butir alamat e-mel peribadi saya kepada Allegis. Saya bersetuju untuk Allegis menghubungi saya di alamat e-mel saya untuk memberikan saya maklumat yang berterusan mengenai peluang-peluang kerjaya yang wujud, dan maklumat lain mengenai Allegis dan aktiviti-aktivitinya.*

☐ I agree to Allegis storing my personal and sensitive information in its data centres which may be located offshore in the Philippines, the USA and Australia.
*Saya bersetuju untuk Allegis menyimpan maklumat peribadi dan sensitif saya di pusat-pusat data yang mungkin terletak di luar pesisir di Filipina, Amerika Syarikat dan Australia.*

______________________________
Signature

______________________________
Candidate name

______________________________
Date